

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD
IMRAN BIN ABD HAMID (B)
(LUMUT)**

**TARIKH : 27.03.17
(ISNIN)**

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan pencerahan berhubung penghargaan yang telah diberikan kepada perwira dan satria yang telah terlibat dalam Operasi GUBIR pada 1976 khasnya kepada mereka yang cedera dan kepada balu-balu perajurit yang telah *meninggal*.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Semua anggota yang terlibat dalam Operasi GUBIR dan semua jenis operasi yang dilaksanakan oleh ATM adalah dikategorikan berada dalam perkhidmatan giat. Oleh itu, sekiranya mereka mendapat kecederaan atau meninggal dunia semasa dalam tugas operasi, anggota dan balu (orang tanggungan) mereka layak diberi Faedah Hilang Upaya atau Kematian secara pukal dan bulanan berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa. Di samping itu, sebagai tambahan mereka juga layak dibayar faedah Ex-Gratia Bencana Kerja ATM yang juga memperuntukkan bayaran secara pukal dan bulanan bergantung kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Sebagai penghargaan terhadap jasa serta pengorbanan yang telah dicurahkan, anggota yang cedera atau meninggal dunia semasa dalam tugas operasi juga layak menerima bayaran saguhati melalui derma Tabung Amanah Perwira dan Pertahanan Negara (TAPPN) yang dibayar secara pukal.

Bagi anggota yang telah menunjukkan sifat keberanian yang luar biasa, gagah berani dan penuh pengorbanan semasa terlibat dalam operasi pula telah dianugerahkan dengan pingat Seri Pahlawan Gagah Perkasa (SP), Panglima Gagah Berani (PGB), Jasa Perkasa Persekutuan (JPP) dan Panglima Tentera Udara (PTU) yang melayakkan mereka diberi elauan secara bulanan seumur hidup.

NO. SOALAN: 27

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]

TARIKH : 27.3.2017 (ISNIN)

Datuk Rozman Bin Isli [Labuan] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan dalam usaha untuk membantu meringankan kos perbelanjaan pelajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT), adakah Kementerian bercadang untuk menambahkan lagi jumlah syarikat yang mengambil bahagian serta meningkatkan kadar diskaun ke suatu tahap yang lebih berpatutan melalui penawaran Kad Siswa 1Malaysia (KadS1M).

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kad Diskaun Siswa 1Malaysia (KADS1M) telah dilancarkan pada 2 Julai 2012 bertujuan untuk membantu meringankan perbelanjaan para mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) awam dan swasta di seluruh negara. Sejak pelancaran, sebanyak 2,191,287 KADS1M telah diedarkan secara percuma kepada para pelajar IPT seluruh Malaysia.

Penglibatan rakan dagang dalam inisiatif KADS1M adalah berbentuk tanggungjawab sosial korporat (*corporate social responsibility* – CSR) dan pengeluaran kad ditaja sepenuhnya oleh Bank Rakyat. Sehingga Februari 2017, terdapat 271 rakan dagang dengan 444 cawangan telah menyertai inisiatif program KADS1M ini meliputi 12 segmen perniagaan, seperti makanan dan minuman, buku/alat tulis, produk IT, peruncitan, pakaian, percetakan, optometri, automotif/bengkel, sukan/rekreasi, pusat rawatan, penginapan dan pengangkutan serta produk/perkhidmatan kesihatan.

Pemegang KADS1M layak untuk menerima diskaun yang ditawarkan oleh rakan dagang (merchant) di antara 5-60 peratus bagi pembelian barang dan perkhidmatan terpilih tertakluk kepada kadar, terma serta syarat yang telah ditetapkan. Inisiatif ini tidak melibatkan sebarang tambahan kos kepada perbelanjaan Kerajaan.

KPDNKK juga sedang giat untuk menambah lebih banyak rakan dagang dari masa ke semasa dan proses ini berjalan sepanjang tahun. Kemaskini jumlah rakan dagang dan jenis-jenis perkhidmatan yang ditawarkan potongan harga dibuat dari masa ke semasa.